



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH		
TARIKH	:	24/8/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	: 36
JABATAN	:	TNB		

TNB, Sharp Ventures Solar meterai PPA

BH, 24 Ogos
2021_36

Tenaga Nasional Bhd (TNB) memeterai Perjanjian Pembelian Tenaga Fotovoltaik (PPA) Solar Berskala Besar (LSS) dengan Sharp Ventures Solar Sdn Bhd bagi rancangan pembelian tenaga elektrik selama 21 tahun.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, syarikat tenaga itu berkata, Sharp Ventures Solar akan merancang, membina, memiliki, mengoperasikan dan menyelenggara kemudahan penjanaan tenaga fotovoltaik suria dengan kapasiti arus bolak balik 50 Megawatt (MWac) di Klang, Selangor.

“PPA ini mengawal selia kewajiban pihak terbabit untuk menjual dan membeli tenaga yang dihasilkan oleh kemudahan di Klang bagi tempoh 21 tahun daripada tarikh operasi komersial yang dijangkakan pada 31 Disember 2023, mengikut syarat dan ketetapan yang dipersetujui seba-

gaimana ditetapkan dalam PPA,” katanya.

Sharp Ventures Solar adalah syarikat tujuan khas (SPC) yang diperbadankan oleh Sharp Ventures Sdn Bhd, yang juga pembida berjaya projek LSS.

TNB berkata, pemeteraian PPA itu tidak akan memberi kesan ke atas modal saham yang diterbitkan dan berbayar serta pemegang saham utama TNB.

“Ia juga akan memberi impak neutral terhadap pendapatan TNB sepanjang tempoh PPA kerana kos penjanaan sepenuhnya diteruskan di bawah mekanisme Peraturan Berasaskan Insentif (IBR).

“Selain itu, tiada pengaruh atau pemegang saham utama TNB dan/atau orang yang berkaitan dengannya mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung, berkaitan dengan PPA ini,” katanya.